"Taman Perumahan Rakyat was the worst affected, with almost all 700 houses in the area submerged in floodwaters.

"We are deeply saddened to witness the suffering of the flood victims.

"All furniture, electrical appliances and other belongings were destroyed and had to be discarded," she said while presenting food supplies to the victims at Taman Perumahan Rakyat.

Also present were UiTM Shah Alam Academy of Contemporary Islamic Studies deputy dean Associate Professor Dr Azri Bhari; Faculty of Management and Business deputy dean Associate Professor Syed Ashrene Syed Omar and Terengganu Kelab Perwira Malaysia secretary Muhammad Ridzuan Hamzah.

Nor Adila said the heavy rainfall of nearly 300mm on Saturday last week had stymied residents' efforts to salvage any of their belongings.

"We are proud to see many government agencies, non-governmental organisations and members of the community working together to help clean up the victims' homes, with about 500 tonnes of flood debris successfully cleared.

"This initiative will continue and we will remain committed to assist the residents as we brace for the second wave of floods, following the Malaysian Meteorological Department forecast of continuous rain until Dec 11," she said.

Nor Adila added that the squad was a collaboration between the state Disaster Operations Committee, the Dungun District Office, UiTM Shah Alam and 33 NGOs.

Meanwhile, Ridzuan said 30 volunteers from Kelab Perwira Malaysia were also deployed to assist flood victims across the state of Terengganu.

"We are very pleased with the efforts of our team, and we are grateful to have been able to ease the burden of the flood victims.

"Perwira is proud to collaborate with UiTM on this mission," he added.



*The Universiti Teknologi Mara (UiTM) Flood Solidarity Mission Ihsan Madani Squad programme director Dr Nor Adila Mohd Noor (right) and UiTM Shah Alam Academy of Contemporary Islamic Studies deputy dean Associate Professor Dr Azri Bhari (second from left) presenting contributions to a flood victim in Dungun, Terengganu, yesterday.* NSTP PIC BY ROSLI ILHAM

# Yayasan Muhibbah agih bantuan kepada 1,000 keluarga terjejas banjir

Nor Fazlina Abdul Rahim
am@hmetro.com.my



JACYNTHA (kanan) mengagihkan bantuan kepada mangsa banjir. FOTO Ihsan Yayasan Muhibbah

Rantau Panjang: Yayasan Muhibbah dengan kerjasama 35 syarikat mengagihkan bantuan kepada 5,000 penduduk membabitkan 1,000 keluarga yang terjejas banjir di Rantau Panjang.

Sumbangan itu terdiri daripada perabot, barangan elektrik dan air mineral selain makanan keperluan asas termasuk beras dan gula.

Pengerusi Yayasan Muhibbah Dr Jacyntha Lo berkata, mereka dari Negeri Sembilan turun padang ke Kelantan untuk menyampaikan sumbangan tanda prihatin terhadap mangsa banjir.

"Sumbangan yang disampaikan ini hasil kerjasama Yayasan Muhibbah dengan 35 syarikat yang majoritinya dimiliki rakyat berbangsa Cina.

"Saya rasa bangga dan terharu terhadap komitmen penyumbang sehingga kami dapat mengagihkan sumbangan kepada mangsa banjir," katanya ketika ditemui, hari ini.

Turut hadir, Ahli Parlimen Rantau Panjang, Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff.

Beliau berkata, sumbangan ini adalah bukti keprihatinan rakyat negara ini, terutama daripada komuniti perniagaan Cina.

"Mereka tampil tanpa ragu, menunjukkan bahawa kebajikan dan kemanusiaan melangkaui batas bangsa dan agama.

"Ini hanyalah permulaan, dan kami memerlukan lebih banyak sumbangan untuk memastikan semua yang terkesan dapat dibantu," katanya.

Jacyntha turut berharap sumbangan itu meringankan beban mangsa banjir yang mengalami kerugian besar baru-baru ini.

**Disiarkan pada: Disember 8, 2024 @ 11:40am**

# Banjir semakin pulih, jumlah mangsa berkurangan

BERNAMA



MANGSA banjir yang masih berlindung di PPS MRSM semalam. FOTO Nik Abdullah Nik Omar

Kuala Lumpur: Situasi banjir di lima negeri menunjukkan perkembangan positif dengan jumlah mangsa yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) turun mendadak petang ini.

Di Kelantan, menurut Portal Info Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sebanyak 240 mangsa berada di tiga PPS di Tumpat dan Pasir Mas petang ini, berbanding 2,268 orang pagi tadi.

Dua PPS di Tumpat masih dihuni 197 orang daripada 79 keluarga, manakala 43 orang daripada 12 keluarga di satu PPS di Pasir Mas.

Di Kedah, jumlah mangsa banjir berkurangan kepada 255 orang daripada 65 keluarga berbanding 610 orang daripada 172 keluarga pagi tadi, dengan kesemuanya berlindung di PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Gunung, Kota Setar.

Timbalan Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) negeri, Mejar (PA) Muhammad Suhaimi Mohd Zain, berkata tiga PPS iaitu SK Simpang Tiga dan SK Alor Janggus, kedua-duanya di Kota Setar, serta Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Indera Putera, Kubang Pasu telah ditutup.

PPS itu, yang dibuka antara 29 dan 30 November lepas, ditutup selepas semua mangsa dibenarkan pulang ke rumah masing-masing pada pagi dan petang tadi.

Sementara itu, di Johor, jumlah mangsa banjir berkurangan susulan penutupan tiga PPS di Segamat dan dua di Tangkak hari ini, menjadikan mangsa yang masih terkesan bencana itu petang ini sebanyak 229 orang berbanding 408 orang pagi tadi.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN), Tan Sri Dr Azmi Rohani, berkata lapan PPS masih beroperasi dengan tujuh daripadanya di Segamat, manakala satu lagi di Batu Pahat.

Di Perak, Sekretariat JPBN menerusi kenyataan memaklumkan jumlah mangsa banjir petang ini berkurangan kepada 121 orang daripada 42 keluarga berbanding 131 orang pagi tadi, yang berada di Kinta, Perak Tengah dan Manjung.

Sebanyak 82 orang daripada 28 keluarga masih berlindung di dua PPS di Kinta, 34 orang daripada 11 keluarga di satu PPS di Perak Tengah, manakala lima orang daripada tiga keluarga di satu PPS di Manjung.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) meramalkan Perak Tengah dan Kinta dilanda ribut dan hujan pada malam ini.

Di Melaka, Sekretariat JPBN negeri memaklumkan daerah Jasin masih terkesan banjir, namun jumlah mangsa petang ini berkurangan kepada 17 orang daripada lima keluarga berbanding 92 orang daripada 23 keluarga pagi tadi, dengan dua PPS masih beroperasi iaitu SK Parit Penghulu dan SK Seri Mendapat.

**Disiarkan pada: Disember 8, 2024 @ 7:35pm**

# Rawat tekanan mental

08 Disember 2024 07:15am




Selangor mewujudkan Talian Selangor Mental Sihat (SEHAT) kendalian Pusat Kaunseling Selangor (PKS).

HAMPIR satu bilion penduduk dunia termasuk berjuta-juta kanak-kanak dan anak muda mengalami kesihatan mental, kebanyakan mereka tiada kemudahan untuk menerima rawatan, menurut laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 2023.

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi pada 2019 pula mendapati seorang daripada lapan remaja berusia 10 hingga 19 tahun di negara ini berdepan dengan gangguan mental.

Masalah itu memuncak sepanjang pandemik Covid-19 pada 2020 termasuk peningkatan kes bunuh diri.

Menurut polis, sebanyak 631 kes dicatat pada tahun berkenaan, meningkat berbanding 609 kes pada 2019.

Di Selangor, sebanyak 10,459 kes sedemikian dirujuk ke klinik kesihatan daerah dalam tempoh empat tahun dari 2020 hingga 31 Mac tahun ini, menurut Exco Kesihatan Awam, Jamaliah Jamaluddin.

Bilangan pesakit tertinggi direkod di Klang iaitu lebih 500 pesakit setahun diikuti Petaling (lebih 400 pesakit) dan Sepang (lebih 300 pesakit). Justeru, Selangor mewujudkan Talian Selangor Mental Sihat (SEHAT) kendalian Pusat Kaunseling Selangor (PKS).



Faridah Abdul Jalil @ Abas

Menurut penyelarasnya, Faridah Abdul Jalil @ Abas ketika ditemu bual sempena Hari Kesihatan Mental Sedunia yang disambut pada 10 Oktober, seramai 3,394 pesakit meliputi lebih 5,000 sesi dijalankan sejak 2018 sehingga kini.

Semua kes dikendali kaunselor bertauliah berdaftar Lembaga Kaunselor Malaysia melalui janji temu. Meski mereka bukan penyelesai masalah tetapi sekurang-kurangnya membantu mereka mencapai kelegaan emosi atau katarsis.

Belia berusia 29 hingga 40 tahun paling ramai mendapatkan khidmat itu. Mereka dalam situasi menyesuaikan diri dengan pelbagai proses kehidupan. Berkahwin, mencari pekerjaan dan pelbagai isu lain. Jika gagal, mereka berdepan tekanan berlebihan.

**Isu keluarga**

Kes tertinggi melibatkan isu kekeluargaan khususnya hubungan suami isteri termasuk tiada persefahaman, kecurangan pasangan dan tabiat menonton bahan porno.

Sejak 2018 hingga kini, sebanyak 2,880 kes rumah tangga diterima PKS.

"Biasanya, individu yang hadir ke PKS sedar mereka berada dalam kemelut rumah tangga dan tahu jika isu mereka ini tidak didengari atau tidak dibantu, boleh membawa kepada kesihatan mental.

"Kami mengesyorkan agar kedua-duanya iaitu suami dan isteri mendapatkan sesi kaunseling bagi menetapkan matlamat sesi dan hala tuju dalam hubungan perkahwinan," kata Faridah pada 4 Oktober.

Tiga cawangan PKS terletak di Majlis Perbandaran Sepang, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Majlis Perbandaran Selayang.

Perkhidmatan yang ditawar antaranya kaunseling individu, kelompok, keluarga, rumah tangga dan perkahwinan, kerjaya dan trauma.

Pengadu juga boleh mendapatkan khidmat tersebut menerusi talian SEHAT melalui talian 1700-82-7536 atau 1700-82-7537.

**KAEDAH KAUNSELING PKS**

* Mengajar orang ramai bertanggungjawab ke atas dirinya

* Membantu orang ramai memahami diri sendiri dan lebih positif

* Menolong orang ramai menyesuaikan diri dengan orang lain atau persekitaran masing-masing

* Membantu orang ramai supaya lebih produktif

* Membimbing orang ramai membentuk imej yang positif agar wujud kestabilan atau kesempurnaan personaliti dalam mencapai cita-cita

# Kanak-kanak perempuan OKU penglihatan hilang selepas keluar rumah

08 Disember 2024, 3:12pm



*Dhiya Azzahra Muhamad Alhalifi, 12 tahun yang hilang.*

**Oleh: Siti Khadijah Jaafar**

**SHAH ALAM:** Seorang kanak- kanak perempuan Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan dilaporkan hilang selepas keluar dari rumahnya kira-kira jam 9 pagi semalam di Pangsapuri Subang Perdana, Jalan Dinar F, Seksyen U3, Shah Alam.

Kehilangan Dhiya Azzahra Muhamad Alhalifi, 12, disedari bapanya selepas empat jam kanak-kanak itu tidak pulang ke rumah.

Menurut Muhamad Alhalifi Ahmad Radzi, 42, anaknya ada memaklumkan bahawa dia ingin menghadiri majlis hari lahir rakannya.

Bagaimanapun, Dhiya yang tidak pulang sehingga lewat tengah hari menyebabkan dia bertindak mencarinya di sekitar kediaman mereka termasuk sekolah.



*Bapa mangsa, Muhamad Alhalifi Ahmad Radzi, 42 tahun.*

“Dia kalau keluar pagi misalnya hari sabtu sebelum Zohor saya memang dah set dengan dia dah kalau keluar hari Sabtu pagi sebelum Zohor mesti balik.

“Tapi semalam dah Zohor dia tak balik-balik. Jadi saya terpaksa turun lah cari dia keluar tanyakan pada kawan-kawan apa semua sampailah petang saya ingat lebih kurang pukul 3 ke 4.

“Dia tak cakap area mana cumanya dia beritahu saya ada majlis hari jadi kawan, itu sahaja dia tak beritahu detail lah tak beritahu lengkap rumah dia dekat mana ke, siapa kawan dia, dia tak beritahu,” katanya kepada Buletin TV3.

Dhiya juga dilaporkan keluar sehelai sepinggang hanya membawa dompet serta satu beg silang.

Menurut Muhamad Alhafifi, anak jirannya mendakwa ada ternampak kelibat Dhiya bersama seorang lelaki di sebuah pasaraya di Petaling Jaya petang semalam.

“Maklumat terbaharu saya dapat daripada penduduk di sini saya baru terima whatsapp siang tadi dia kata ada seorang anak kawan saya di blok saya ini, dia jumpa ada ternampak anak saya, macam anak saya di sebuah pasaraya di Damansara, Petaling Jaya, pukul 3.30 petang semalam dan bila saya bagi gambar anak saya ini ,anak dia tengok memang betul itulah anak saya,” katanya.

Menerusi maklumat rakan sekolah mangsa pula, beliau mendapat tahu tiada sebarang majlis hari lahir yang diadakan oleh mana-mana rakan mereka.

“Saya tanya kawan-kawannya dan tanya betul ke hari ini ada birthday sesiapa? Mereka beritahu pak cik, tiada birthday sesiapa, kami pun tidak tahu. Itu sahaja,” jelasnya.

Menurut sumber daripada rakan mangsa, anak kedua daripada lima beradik itu dikatakan ada berjumpa seorang lelaki di luar pagar sekolah ketika Sambutan Hari Kanak-Kanak pada 26 November lalu.

“Lelaki itu dikatakan datang di pagar sekolah dalam 12 tengah hari naik motosikal. Kawan dia kata, dia datang jumpa anak saya dan berborak macam tu, kawan dia kata anak saya terus keluar ikut dia,” katanya.

Justeru, Muhamad Alhalifi mengesyaki anak perempuannya mungkin mengikut lelaki sama yang difahamkan baru dikenalinya menerusi media sosial.

Laporan kehilangan mangsa juga sudah dibuat di Balai Polis Kampung Baru Subang malam semalam.

Ketua Polis Daerah Sungai Buloh, Supritendan Mohd Hafiz Muhammad Nor yang dihubungi mengesahkan telah menerima laporan berkenaan.

Beliau juga telah menggerakkan anggotanya untuk menjejaki mangsa.

Katanya, kanak-kanak ini dilihat kali terakhir memakai seluar jeans baggie dan bertudung berwarna hitam, berbaju sejuk dan berkasut sukan warna-warni.

“Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kanak-kanak ini diminta segera menghubungi mana-mana balai polis berdekatan,” katanya.

Maklumat juga boleh disalurkan dengan menghubungi Penolong Pegawai Penyiasat Sarjan Mohd Hizam Talib di talian 012-6550262.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BAPA LAKUKAN AMANG SEKSUAL MENANGIS DEPAN HAKIM | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 9 DIS 2024 | M/SURAT | : | 17 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Bapa lakukan amang seksual menangis depan hakim

**Muar:** "Saya amat menyesal. Saya harap mahkamah pertimbangkan hukuman kerana perlu tanggung keluarga, nak bayar sewa kedai lagi, anak pula lima orang."

Demikian rayuan seorang bapa sebelum Mahkamah Sesyen di sini, semalam menjatuhkan hukuman penjara 11 tahun dan lima sebatan selepas mengaku bersalah amang seksual fizikal terhadap anak perempuannya, minggu lalu.

Tertuduh berusia 43 tahun yang juga peniaga kedai makan dilihat menangis ketika mengemukakan rayuan itu di hadapan Hakim Sayani Mohd Nor.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap anak kandungnya berusia 16 tahun di sebuah rumah di Kluang, pada jam 12.30 tengah malam, 1 Disember lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 14 dan dibaca bersama Seksyen 16 akta sama.

Hukuman bagi Seksyen 14 (a) ialah penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan manakala Seksyen 16 (1) yang juga tambahan hukuman, penjara tidak melebihi lima tahun dan juga sebatan tidak kurang dua kali bagi setiap pertuduhan.

Berdasarkan fakta kes, ketika ujian pemeriksaan minda dijalankan di sekolah, seorang guru kaunseling mendapati mangsa seperti dalam keadaan terganggu.

Apabila guru bertanyakan kepada mangsa, dia menceritakan kejadian sebenar menimpanya dan pihak sekolah menghubungi ibu pelajar terbabit memaklumkan perkara itu.

Satu laporan polis dibuat oleh ibu mangsa pada 3 Disember lalu dengan tertuduh ditahan pada jam 8 malam hari sama.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | BAPA MENGAKU MELAKUKAN AMANG SEKSUAL MENANGIS DEPAN HAKIM | | |
| HARI : | ISNIN | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH : | 9 DIS 2024 | M/SURAT : | 08 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Bapa mengaku melakukan amang seksual menangis depan hakim

**Muar:** "Saya menyesal," kata seorang bapa dijatuhi hukuman penjara 11 tahun dan lima sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas mengaku bersalah atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap anak perempuannya, minggu lalu.

Terdahulu, tertuduh berusia 43 tahun itu menangis ketika merayu di hadapan Hakim Sayani Mohd Nor.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap anak kandungnya berusia 16 tahun di sebuah rumah di Kluang pada jam 12.30 tengah malam, 1 Disember lalu.

Oleh itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 14 dan dibaca bersama Seksyen 16 akta sama.

**» INFO**

*Tertuduh berusia 43 tahun menangis ketika merayu di di hadapan Hakim Sayani Mohd Nor.*

Hukuman bagi Seksyen 14 (a) penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan manakala Seksyen 16 (1) yang juga tambahan hukuman, penjara tidak melebihi lima tahun dan juga sebatan tidak kurang dua kali bagi setiap pertuduhan.

Selepas mendengar hujahan dan rayuan kedua-dua pihak, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara lapan tahun dan tiga sebatan bagi Seksyen 14 (a) manakala Seksyen 16, tiga tahun serta dua sebatan dengan kedua-dua hukuman ini dijalankan secara berasingan.



TERTUDUH dibawa keluar selepas Mahkamah Sesyen Muar menjatuhkan hukuman terhadapnya. - Gambar NSTP/ALIAS ABD RANI

Selain itu, mahkamah memerintahkan tertuduh menjalani sesi kaunseling sepanjang dipenjara serta pengawasan polis selama dua tahun selari dengan Seksyen 26 dan 27 AKKSTKK.

Berdasarkan fakta kes, semasa ujian pemeriksaan minda dijalankan di sekolah, seorang guru kaunseling mendapati mangsa dalam keadaan terganggu.

Apabila guru bertanyakan pada mangsa, dia menceritakan kejadian sebenar menimpanya dan pihak sekolah menghubungi ibu pelajar terbabit memaklumkan perkara itu.

Laporan polis dibuat ibu mangsa pada 3 Disember lalu dengan tertuduh ditahan jam 8 malam hari sama.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Diyana Najihah Muhamed Fauzi manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | MAN NABBED OVER SEXUAL ASSAULT ON BOY, 4 | | |
| HARI : | ISNIN | AKHBAR : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH : | 9 DIS 2024 | M/SURAT : | 10 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

FOUR-DAY REMAND

# Man nabbed over sexual assault on boy, 4

**JOHOR BARU:** Police arrested a 23-year-old man in connection with an alleged sexual assault on a 4-year-old boy in Taman Perindustrian Tampoi Jaya on Saturday.

Johor Baru (South) police chief Assistant Commissioner Raub Selamat said preliminary investigations revealed that the alleged assault occurred twice, the first time being in October.

The boy had been under the care of a woman for the past two years.

The suspect is the woman's son. He was picked up at the house where he lived with his mother at 3.20pm.

Police said he tested negative for drugs.

Raub said the case was being investigated under Section 377C of the Penal Code for committing carnal intercourse against the order of nature.

Police yesterday obtained a four-day remand order to detain the man for investigation.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TEEN ALLEGES RAPE AT CARE HOME | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 9 DIS 2024 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

SUSPECT REMANDED UNTIL TOMORROW

# TEEN ALLEGES RAPE AT CARE HOME

17-year-old claims she fell pregnant from caretaker's sexual abuse over a 2-year period, which led to her giving birth at 15

KALBANA PERIMBANAYAGAM
**KUALA LUMPUR**
kalbana@nst.com.my

A 17-YEAR-old girl alleges that she endured two years of rape by the caretaker of the charity home where she lived before she became pregnant.

Based on several documents including a police report sighted by the *New Straits Times*, the victim claimed that her ordeal started in 2020, when she was 13 years old.

She said two years of sexual abuse resulted in her becoming pregnant and delivering a baby in 2022, when she was 15 years old.

The victim claimed that the 59-year-old suspect sold her baby to a couple in Perak and that the abuse continued after her delivery.

She further alleged that the suspect, along with several other workers at the home, had warned her not to disclose the abuse or the existence of her baby to anyone.

Human rights activist D. Arun said the victim had shared her ordeal with a visitor to the home last month before the matter was brought to the attention of authorities.

"A police report was lodged at the Kulai police station on Nov 29, and the Johor Welfare Department has taken steps to facilitate investigations."

Arun said he had also met the victim to hear her story before bringing the matter to the police.

"This is a very tragic case that should never have happened.

"The victim shared her predicament with me during a three-hour meeting recently and expressed her determination to reclaim her child.

"She told me that after delivering her baby, the suspect forced her to give up the newborn.

"She also revealed that the suspect had prevented her from attending school, allowing him to abuse her at the home between 2020 and 2022."

Arun added that the victim and her 2-year-old child have been placed under the care of the state Welfare Department pending investigations.

Kulai police chief Assistant Commissioner Tan Seng Lee confirmed the suspect's arrest on Nov 30.

"Following the report lodged on Nov 29, an investigative team went to the home in Taman Mas at 3am and arrested the suspect.

"Preliminary checks revealed that the alleged incidents occurred over a span of two years while the victim was under his care," he said.

Tan said the suspect was currently under remand until tomorrow.

"The case is being investigated under Section 376 of the Penal Code for rape."



*"Following the report lodged on Nov 29, an investigative team went to the home in Taman Mas at 3am and arrested the suspect.*

**ASSISTANT COMMISSIONER TAN SENG LEE**
Kulai police chief

# Anak pengasuh direman kes liwat budak lelaki 4 tahun

Sinar Harian
08/12/2024 18:05 MYT




*Lelaki yang disyaki meliwat seorang kanak-kanak lelaki berusia empat tahun, Oktober lalu ditahan reman empat hari.*

**JOHOR BAHRU:** Seorang pekerja kilang direman selama empat hari bermula Ahad bagi membantu siasatan kes meliwat kanak-kanak berusia empat tahun pada Oktober lalu.

Perintah reman ke atas pemuda berusia 23 tahun itu itu dikeluarkan Majistret R Salini bagi membolehkan siasatan lanjut dibuat mengikut Seksyen 377C Kanun Keseksaan.

Sebelum itu, suspek berpakaian lokap polis berwarna ungu dibawa ke mahkamah pada Ahad untuk mendapatkan perintah reman itu selepas ditahan polis pada Sabtu.

Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan, Asisten Komisioner Raub Selamat dalam kenyataannya memberitahu suspek warga tempatan itu ditahan di kawasan Taman Perindustrian Tampoi Jaya di sini, kira-kira jam 3.20 petang.

Beliau memberitahu, siasatan awal mendapati suspek adalah anak kepada pengasuh mangsa yang telah dijaga sejak dua tahun lalu dan mangsa dipercayai diliwat sebanyak dua kali sekitar Oktober lalu.

Hasil ujian saringan awal air ke atas suspek didapati negatif dadah. - Sinar Harian

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KEKANG ANCAMAN SIBER BAHARU | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 9 DIS 2024 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



# Kekang ancaman siber baharu

*Pindaan Akta 588 banteras jenayah dalam talian, lindungi kumpulan rentan jadi mangsa*

Oleh Muhammad Saufi Hassan
saufi@mediaprima.com.my

**Kuala Lumpur**

Pindaan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) dapat membanteras sebarang bentuk jenayah dalam talian dan melindungi kumpulan rentan khususnya kanak-kanak daripada menjadi mangsa.

Menerusi cadangan pindaan akta berkenaan, ia akan menggalakkan pertumbuhan industri komunikasi dan multimedia untuk memenuhi keperluan masa depan serta memperbaiki keselamatan rangkaian seiring dengan peningkatan penggunaan perkhidmatan atas talian.

Pada masa sama, ia juga dapat menangani isu media baharu yang muncul dalam ekosistem digital dan memperluaskan kuasa penyiasatan untuk menangani cabaran keselamatan serta kejahatan atas talian.

Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam), Prof Datuk Noor Aziah Mohd Awal berkata, pihaknya menyambut baik usaha kerajaan untuk melaksanakan pindaan itu sekali gus memperkasakan akta sedia ada.



**"Pindaan ini dapat memperkemaskan serta memperketatkan sebarang kesalahan terhadap kanak-kanak, warga emas dan kumpulan lain yang berisiko"**

*Pesuruhjaya Suhakam, Prof Datuk Noor Aziah Mohd Awal*

Beliau berkata, pindaan itu dapat memperkemaskan akta berkenaan serta menambah baik kawalan undang-undang mendepani ancaman siber baharu.

"Bagaimanapun, saya mengharapkan pindaan perundangan ini tidak mengganggu hak asasi manusia iaitu hak untuk bersuara, hak untuk menyatakan pendapat dan hak lain.

"Bagi saya, pindaan ini dapat memperkemaskan serta memperketatkan sebarang kesalahan terhadap kanak-kanak, warga emas dan kumpulan lain yang berisiko.

"Hari ini, terlalu banyak sindiket penipuan dan ramai kalangan warga emas menjadi mangsa, jadi keperluan untuk pindaan akta ini sangat diperlukan sekali gus memberi perlindungan yang maksimum kepada golongan terkesan," katanya.

Beliau berkata, cadangan untuk mengehadkan kanak-kanak daripada aspek penggunaan Internet adalah baik dan Malaysia bukan negara pertama yang ingin melaksanakannya.

Menurutnya, negara seperti Australia, United Kingdom (UK) dan beberapa negara lain sudah melaksanakan kawalan ini terlebih dahulu.

"Namun, hak kanak-kanak untuk mendapatkan maklumat perlu sentiasa dipelihara dan saya yakin kerajaan turut memikirkan perkara itu," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Nur Hafizah Yusoff berkata, pindaan akta ini sangat perlu dan penting kerana ianya menekankan kepada intipati untuk menjadikan platform media sosial sebagai satu platform yang selamat kepada pengguna.

Beliau berkata, menerusi pindaan ini juga, hukuman lebih berat dikenakan dan beberapa takrifan baharu berkaitan jenayah dalam talian juga diperjelaskan.

"Oleh kerana pengguna media sosial di negara ini sekitar 25 juta pengguna aktif, pindaan ini perlu menjamin kesejahteraan pengguna.

"Kanak-kanak antara pengguna media sosial aktif dan berdasarkan statistik menunjukkan pengguna media sosial aktif di Malaysia berada lingkungan usia 16 hingga 64 tahun.

"Kanak-kanak di bawah usia 18 tahun masih berada di dalam kumpulan rentan yang mudah dimanipulasi dan dieksploitasi," katanya.

Beliau berkata, menerusi media sosial, jenayah terhadap kanak-kanak seperti pedofilia dan pengantunan kanak-kanak adalah membimbangkan.

"Turut tidak terkecuali berkaitan buli siber, hukuman penjara tidak melebihi lima tahun dan denda tidak melebihi RM500,000 yang terdapat di dalam pindaan ini memberi gambaran dan harapan bahawa kanak-kanak dilindungi daripada sebarang bentuk penganiayaan.



**"Kanak-kanak di bawah usia 18 tahun mudah dimanipulasi dan dieksploitasi"**
*Dr Nur Hafizah*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | FAHMI: AMENDMENTS TO SIGNIGICANTLY IMPROVE LAW | | | |
| HARI | : | ISNIN | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 9 DIS 2024 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA ACT 1998

# Fahmi: Amendments to significantly improve law

**KUALA LUMPUR:** The amendments to the Communications and Multimedia Act 1998 will bring significant improvements after 26 years of its enforcement, said Communications Minister Fahmi Fadzil.

Addressing concerns about the vague and unclear amendments, Fahmi clarified that the changes extend beyond specific sections and could be fully understood through a comprehensive review of the bill.

"If we examine the bill draft, it is evident that the amendments are not limited to Section 233.

"There are 51 pages of amendments that mark significant improvements (on the original act) after 26 years of enforcement," he said after an event in Lembah Pantai, yesterday.

Last week, Fahmi tabled the bill's first reading in the Dewan Rakyat.

The second reading will also be tabled in this sitting.

He said the amendments to the act would allow social media companies to be more proactive and accountable for online harm on their platforms.

The amendments will focus on three key areas, namely, industry development, network security and social media and licensing.

Following this, experts said that while the amendments to the act were timely, they also raised concerns about potential overreach, transparency and clarity.

Citing the "Hot Daddy" case as an example, Fahmi said the government introduced key changes to the law to ensure that sexual offenders were held accountable.

"We have classified two offences, which are paedophilia and the online sale of pornography, as seizable offences.

"This is a significant step to ensure that criminals, especially those involved in the sale of pornography or possession of sexual materials involving children, are held accountable.

"These individuals are a menace to society, therefore, we are amending the law to enable the police to detain and arrest individuals falling into these two categories."

On another matter, Fahmi dismissed calls for elected representatives to declare their assets, stating that it was not an issue.



*Fahmi Fadzil*

"Many MPs (members of parliament), including myself, have declared their assets in the past."

He said this in response to former Bangi MP Ong Kian Ming, who questioned Subang MP Wong Chen's calls for civil servants to declare their assets.

Ong had said that instead of civil servants, those elected should take the lead in declaring their assets.

Regarding Wong's calls for civil servants to declare their assets, Fahmi said the calls were the former's personal views.

"The context in which the Subang MP raised the issue of civil servants declaring their assets is his view. An MP is free to express and voice their views."

In June this year, Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said said the framework for asset declarations by MPs and administrative members had yet to be finalised.